


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



LEONHARDT, DAVID

9 habits of happiness : develop your own personal plan for happiness using step-by-step guide

Kuala Lumpur : YLP Pub., 2012. 224p.

ISBN 978-967-10509-4-1

ULASAN

What is happiness? It is thought of as the good life, freedom from suffering, flourishing, well-being, joy, prosperity, and pleasure. However according to author David Leonhardt, happiness is something you have to develop through his nine habits. If you apply these habits in your daily life, then you should be happier than winning the lottery.

What then are the nine habits? This then is the theme of Leonhardt's 224 pages of tips, ideas and inspiration in his motivational and inspirational self-help book to guide you find greater happiness. In a nutshell, happiness can be achieved by using this step-by-step process:

(a) Throw a parade in your honor. The first habit to be happier is to feel like a winner, victor and hero. By cheering every little success, rather than focusing on every little setback.

(b) Distinguish yourself. We are all the same, only different. It's what's different that

makes you special, unique and valued. By feeling proud of our differences, rather than ashamed, we make happiness.

(c) Count your blessings. Life itself is a miracle, and it is simply crammed with wonders. By constantly saying thank you for everything we enjoy, rather than taking them for granted.

(d) Learn, then burn. Life gives us so many lessons, so many opportunities to learn, pick and choose. Somehow, we had a bad experience; maybe suffered pain, frustration, anger, guilt and embarrassment. By learning the lessons, then burning the painful feelings, we make happiness.

(e) Carpe diem. Find happiness in action, not inaction. There is so much to accomplish, so much to explore, so much to try. But fear sometimes holds us back, and, sooner or later, we regret all the things we were afraid to do. By seizing the day and breaking out of our Comfort Zone, we make happiness.

(f) Slow it down. The pace of life in the modern world builds up our stress level. By taking time to breathe, to relax, to be, we make happiness.

(g) Pump it up. Sometimes we react to stress by turning out. We fail to keep our bodies in good shape, we donate our hours to the Merchants of Misery in TV-land, we waste away. By getting up and moving, we make happiness.

(h) Choose YouBet people. Choose your friends wisely and surround yourself with them. We are each a product of our environments, so make your environment the happiest possible. By surrounding ourselves with happy, positive, upbeat, supportive, enthusiastic people, we make happiness.

(i) Spread the joy. When it comes to happiness, it is in giving that we receive. By sharing our joy with others, by raising the happiness, smile and love in our environment, we make it a great day and a great world!

After digesting these nine habits of happiness, readers would, of course want or are curious to know what is the secret to happiness? There is actually no secret! However, a conscious effort is needed in a step-by-step process to build their own Stairway to Heaven and Climb over the Great Wall of misery. Life is after all a journey, not a destination, so don't slip back into bad habits. Make happiness a habit so that we remain on top of the wall. Not at its bottom with the resulting misery.

In Leonhardt's style of writing, he makes many cross references to different philosophers and their philosophy to strengthen and back up his principles of happiness. For instance his reference to the Persian proverb, "I murmured because I had no shoes, until I met a man who had no feet." May be aptly applied to habit 3, Count Your Blessings

On the flip side though, too many quotations make the writing a bit disjointed. Perhaps certain analogies could have been introduced later when the reader is more acquainted with the author's style of writing. A more effective approach will perhaps be for the author to dwell more on his own experience in his pursuit of happiness.

At the end of the day, has he achieved his mission to spread the word of happiness? He should have with his pop quizzes, stories and quotable quotes. This strategy certainly help Leonhardt to convince his readers that happiness is within the reach of everyone.

All in all, it is within your power to make life happier – it is your choice to control your happiness, not just today or tomorrow but every single day. In this respect the book has to a large measure been effective in relaying the message of choosing and controlling your happiness. In the final analysis happiness has to come from within. Forgetting the past and looking forward. Tomorrow could be and should be a better and happier day.


Pengulas:

Sum Thing

Penolong Pegawai Perpustakaan
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ABD. JALIL ALI

Cendol pulut santan lebih

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2012. 368ms.

ISBN 978-983-124-804-1

ULASAN

Cendol pulut adalah antara menu popular yang sering dipesan di kedai makan ketika musim panas. Namun, *Cendol Pulut Santan Lebih* hasil coretan Datuk Abd. Jalil Ali adalah coretan pengalaman beliau yang ditulis secara santai dan lucu, tetapi penuh sindiran dan teguran yang membuka akal, minda dan hati pembaca untuk berfikir.

Coretan setebal 368 mukasurat ini bertemakan perkongsian perjalanan hidup dan pengalaman peribadi penulis terutama dalam hubungan suami isteri dan rumah tangga serta selangan peristiwa-peristiwa yang berlaku seharian. Perkongsian pengalaman ini disusun mengikut situasi dengan pengagihan kepada 72 tajuk yang menarik berdasarkan pandangan beliau sebagai seorang lelaki, anak, suami, ayah, pekerja dan pengurus.

Perkongsian cerita yang terdapat dalam buku ini sangat menarik terutamanya topik

rumah tangga. Antara tajuk yang menarik adalah *Sejauh Mana Anda Memahami Isteri?, Berapa Lama Anda Tahan Tanpa Isteri?, Masih Perlukah Kalimah Aku Cinta Padamu? Gesecklah Biola Itu Seadanya* dan banyak lagi tajuk yang akan membuat pembaca terus menyelak helaian demi helaian hingga ke mukasurat terakhir. Sesekali terasa ada sindiran sinis dan teguran halus menjentik minda membuatkan pembaca tersedar dan terpaku seketika dengan kebenaran yang disampaikan.

Beliau mengolah topik kesetiaan dan kejujuran suami isteri dalam tajuk *Setiap Malam adalah Malam Jumaat, Boleh Berbulan Madu tetapi Jangan Bermadu dan Pada Usia 60 Tahun Semuanya Masih Okey*. Dalam tajuk ini, beliau berkongsi panduan mengekalkan kesetiaan dan kejujuran antara suami isteri dan kesan menghadiri kursus ESQ 165 melalui persepsi beliau. Kasih sayang dan kesetiaan itu tidak dapat dilihat dengan mata kasar tapi boleh dirasai dengan hati.

Beliau juga menyentuh mengenai kasih sayang seorang ibu, dalam tajuk *Ketika Kali Terakhir Kukucup Pipi Mama, Biarlah Emak Berleter 24 Jam, Beza Emak Saya Dengan Emak Anak dan Kasih Ibu Sepanjang Hayat*. Penulis menyentuh jiwa pembaca dengan mengisahkan kasih sayang seorang ibu dari sudut pandangan beliau sebagai seorang anak dan ayah. Penghargaan buat seorang wanita yang bergelar ibu dan ibu kepada anak-anak sendiri membuka minda pembaca untuk menghargai kasih sayang seorang ibu, isteri dan kasih sayang keluarga.

Bagi pemuda pemudi yang ingin melangkah ke alam rumah tangga, terdapat banyak ilmu rumah tangga yang dikongsi antaranya dalam tajuk *Sejauh Mana Anda Kenal Bakal Suami Atau Isteri?, Lelaki Macam Mana Pilihan Anda?, Cinta Bertahun, Kahwin Hanya Sebulan, Lelaki Berhutang Kerana Wanita dan Gadis Sekarang Patut Kahwin Pada Usia Muda*. Kandungan dalam tajuk ini memberi idea dan maklumat kepada pemuda pemudi bagi persediaan melangkah ke alam rumah tangga.

Penulis juga mencuit minda pembaca mengenai adat dan adab ketika majlis perkahwinan dalam tajuk *Tanpa Telur, Pengantin Tidak Berseri, Memang Adat Orang Kita dan Ada Yang Membosankan Di Dalam Majlis Kita*. Kandungan dalam tajuk ini mendedahkan isu-isu berkaitan majlis perkahwinan sekarang yang telah diubahsuai

mengikut perubahan semasa.

Selain itu, beliau juga berkongsi isu keagamaan dalam topik *Menjadi Tetamu Allah Di Tanah Suci* dan *Menatap Kaabah Betul-Betul Di Depan Mata*. Penulis berkongsi pengalaman beliau ketika sebelum, semasa dan selepas berada di Mekah. Isu kesihatan disentuh dalam tajuk *Bila Teh Tarik Penting Daripada Isteri, Wanita Spesis ‘3G’, ‘2G’ & ‘1G’* dan *Musim Sekolah Musim ‘Makan Ubat’* dengan pengolahan yang menghiburkan tetapi menyedarkan.

Beliau menyentuh mengenai isu pembantu rumah dalam tajuk *Sudah 17 Tahun, Dia Masih Setia*. Beliau menceritakan dari awal pengambilan pembantu rumah tersebut, kesukaran yang dihadapi kerana masalah komunikasi, penjagaan dari anak pertama hingga anak ketiga sehingga pembantu rumah tersebut bergelar nenek dan masih lagi setia berkhidmat. Beliau menganggap pembantu rumah sebagai ahli keluarga dan menekankan kesefahaman dan timbang rasa.

Secara keseluruhan, buku ini boleh dikategorikan sebagai buku motivasi hubungan suami isteri dan rumahtangga. Gaya penulisan secara deskriptif dengan penggunaan bahasa yang santai dan mudah difahami, penulis berjaya membuat pembaca turut merasai peristiwa dan pengalaman yang dikongsi. Penceritaan sesuatu peristiwa yang kadang kala lucu menghiburkan pembaca tetapi mempunyai mesej serta sindiran yang bermanfaat. Penceritaan yang menggunakan dialog membuatkan hasil coretan beliau lebih menarik dan memudahkan pembaca untuk memahami isi penyampaian tajuk tersebut. Buku ini antara pilihan yang terbaik untuk dijadikan panduan dan rangsangan kepada suami isteri terutamanya yang ingin memperbaik dan memperkuuh ikatan rumahtangga serta sebagai panduan kepada pemuda pemudi yang akan melangkah ke alam rumahtangga.


Pengulas:

Farah Izzati Ismail

Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



WAHI ABD RASHID
Hijrah menjadi usahawan
Petaling Jaya : True Wealth, 2012. 112ms.
ISBN 978-967-416-013-5

ULASAN

Buku ini membincangkan realiti kehidupan kebanyakan golongan pekerja masa kini, ditambah lagi dengan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, semakin ramai yang berlumba-lumba untuk menjadi usahawan agar keluar dari kemelut kesempitan kewangan. Ramai yang berjaya, tetapi lebih ramai yang gagal separuh jalan. Dianggarkan 93 peratus usahawan yang memulakan perniagaan terpaksa ‘gulung tikar’ selepas 3 tahun pertama memulakan perniagaan. Ini bermakna di antara 10 perniagaan yang baru dibuka, sembilan darinya telah gagal.

Antara lain aspek yang diterangkan di dalam buku yang mengandungi 11 (sebelas) bab ini adalah tentang bagaimana teknik berhijrah menjadi seorang usahawan sepenuh masa walaupun dahulunya seseorang itu hanya pekerja biasa.

Di awal bab kandungan buku ini penulis berkongsi 100 peratus kisah sebenar beliau yang telah berhijrah menjadi usahawan yang berjaya. Walaupun satu ketika beliau

dahulunya bekerja ‘makan gaji’. Selain itu, penulis turut berkongsi pengalaman bagaimana beliau berjaya keluar dari kesusahan hidup akibat kesempitan kewangan sehingga mampu membina empayar perniagaannya sendiri.

Buku ini, turut mengupas langkah-langkah bagaimana mendapatkan modal perniagaan bagi seseorang yang baru mula berjinak-jinak untuk bermula. Dalam bab 4, penulis menekankan bahawa perniagaan berdasarkan minat dan kemahiran sendiri adalah lebih baik. Ini kerana seorang usahawan yang menceburi bidang perniagaan menjurus apa yang diminatinya, peluang untuk berjaya adalah lebih cerah dan besar. Ia terbukti dengan apa yang dilalui oleh penulis sendiri berdasarkan pengalamannya yang berminat dengan perniagaan kereta sewa yang mana secara tidak langsung berkaitan dengan bidang permotoran.

Dalam bab 6, penulis menyatakan sebanyak 6 kesilapan yang harus dihindari dalam usaha menjadi seorang usahawan. Antaranya ‘usahawan penglipur lara’ yang bermaksud terlibat atau terjerumus dengan skim cepat kaya dan perniagaan berbilang tingkat (MLM) yang mana diketahui umum jumlah yang kecundang dalam perniagaan ini amatlah ramai berbanding yang berjaya. Keduanya ‘usahawan pencen’ yang mana penulis menasihatkan sebarang perniagaan harus bermula pada usia yang muda dan jangan bertangguh sehingga mencecah umur 55 atau 60 tahun. Ini kerana hayat perniagaan yang berjaya dan mula berkembang memakan masa tiga atau lima tahun lamanya. Manakala lain-lain kesilapan yang harus dielakkan oleh bakal usahawan ialah menjadi ‘usahawan *last minute*’ ; usahawan segera ; usahawan konvensional dan usahawan dua kali lima.

Selain belajar dari kesilapan orang lain, penulis turut menasihatkan untuk belajar dan membaca buku-buku yang berkaitan perniagaan yang banyak berada di pasaran. Ini kerana terdapat pelbagai tip-tip berguna yang boleh diguna pakai sepanjang membangunkan perniagaan. Antara ilmu-ilmu perniagaan yang boleh dipelajari dari buku adalah seperti ilmu pengurusan kewangan peribadi, pengurusan perniagaan dan kemahiran teknologi maklumat. Semakin banyak ilmu yang dipelajari semakin bijak seseorang itu menguruskan perniagaannya. Malah peluang untuk memajukan perniagaan semakin luas dengan ilmu dan tip-tip yang dipelajari melalui buku.

Seorang usahawan yang berjaya, sistem perniagaan adalah penting dan perlu ada agar struktur perniagaan teratur dan beroperasi dengan baik. Antaranya, sistem struktur organisasi perniagaan dan sistem dokumentasi syarikat. Menurut Michael E. Gerber, melalui penulisannya yang berjudul *The E-Myth Revisited*, binalah perniagaan yang mempunyai sistem yang dapat menjual produk dengan berkesan atau dengan erti kata lain, *francais* atau cawangan.

Dalam bab seterusnya penulis turut berkongsi kisah dan pengalaman beliau mengembangkan perniagaannya dengan mempelbagaikan perniagaan yang berbeza. Antaranya ialah perniagaan kebun sayur yang diuruskan oleh keluarganya, perniagaan rumah sewa dan *homestay*, perniagaan bidang penulisan dan kursus dan melabur dalam perniagaan syarikat pembinaan bersama pekerjanya sendiri. Ia merupakan salah satu cara untuk menjana lebih pendapatan dan kekayaan dengan melabur lain-lain perniagaan yang dirasakan mampu memberi pulangan yang lumayan. Manakala dalam bab yang terakhir (bab sebelas) penulis menceritakan kisah 4 pekerja yang telah berhijrah menjadi usahawan sepenuh masa serta model perniagaan mereka yang boleh dijadikan inspirasi kepada mereka yang mahu mengubah nasib hidup agar lebih berjaya.

Buku ini boleh dijadikan sebagai motivasi dan semangat untuk meningkatkan keyakinan, mentaliti serta usaha kepada bakal-bakal usahawan agar lebih bersedia menempuh alam perniagaan yang penuh cabaran dan rintangan. Buku ini bukan ditulis berdasarkan teori semata-mata, namun ia merupakan pengalaman berharga penulis di dalam industri perniagaan yang diceburinya. Malah kandungan dan gaya persembahan bahasa yang disampaikan agak mudah dan bersahaja membantu pembaca memahami dan menjiwai erti sebenar cabaran dan maksud perniagaan yang sebenarnya.


Pengulas:

Hishamuddin Ramli

Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



FAUZIAH WAN JAAFAR
Keseronokan bekerja-milik siapa?
Ampang, Selangor : Pekan Ilmu Publications, 2013.
184ms.
ISBN 978-967-5841-58-3

ULASAN

Buku setebal 184 halaman ini memulakan kumpasannya dengan menjelaskan mengapa kita perlu bekerja. Individu yang sihat dan sempurna hendaklah bekerja bagi menyara diri sendiri dan tanggungannya. Sekiranya seseorang itu tidak bekerja, dia akan ditimpa kesempitan kewangan dan gagal melunaskan kos sara hidup seperti membayar sewa atau ansuran rumah, makanan dan tempat tinggal.

Seseorang itu juga perlu bekerja bagi memenuhi impianinya. Semua orang mengimpikan untuk mendiami rumah yang besar dan selesa, memiliki kenderaan, menambahkan aset dan melancong. Hanya dengan bekerja sahaja semua impian ini dapat dipenuhi.

Bekerja juga menyediakan tabungan untuk masa kecemasan dan hari tua. Kita sendiri tidak tau bilakah kita akan ditimpa musibah seperti sakit atau dibuang kerja. Jadi semasa kecemasan ini, wang tabungan yang telah disimpan secara tetap itu boleh

digunakan. Pendapatan yang diperolehi semasa muda dan sihat juga mesti disimpan bagi memastikan kita dapat hidup dengan selesa dan tenang di kemudian hari. Ini penting bagi menghindari diri daripada hidup melarat semasa usia senja.

Islam juga menuntut supaya umatnya bekerja untuk kelangsungan hidup. Sekiranya tidak bekerja, kita akan menjadi umat yang mundur, hina, membebankan orang lain dan mengemis untuk meneruskan hidup. Umat Islam disarankan supaya bekerja bagi mengumpul harta sebanyak-banyaknya bagi memajukan bangsanya sendiri dan sekaligus dipandang tinggi oleh penganut agama lain.

Jadi adakah selama ini anda pernah membuat penilaian akan perasaan anda terhadap pekerjaan yang sedang anda sandang kini? Adakah hati membuaik-buak berkata seronok atau tidak seronok?

Mungkinkah bibit-bibit cinta akan pekerjaan sebenarnya wujud dalam sudut hati tetapi anda tidak menyadarinya? Tepuk dada tanya selera. Anda sahajalah yang dapat memberi jawapan yang tepat untuk semua itu.

Karya *Keseronokan Bekerja, Milik siapa?* Ini bakal membimbing kita untuk merasakan bahawa alam pekerjaan adalah anugerah yang paling utama untuk disyukuri, setiap hari dan ketika. Ini kerana warna kehidupan dan pola pekerjaan yang berubah, boleh membelenggu diri dari memperkembangkan potensi diri daripada menjadi insan yang lebih berjaya, cemerlang dan bahagia. Buku ini diterbitkan dengan memberi penekanan untuk rasa seronol ketika menjalankan tugasannya sepanjang masa.

Kerjaya boleh menjadi suatu perkara yang menyeronokkan dan juga menjadi sesuatu yang membosankan. Kerja merupakan satu ibadah jika kita melakukannya dengan ikhlas. Kerja juga boleh membawa kita ke puncak kejayaan dan sebaliknya boleh memadamkan bakat dan kemampuan sebenar kita.

Namun manusia berusaha mencari kesempurnaan dan kepuasan dalam kehidupan mereka. Semakin pandai dicari, maka semakin dekat kesempurnaan dan kepuasan itu. Keseronokan bekerja harus dicari justeru, keseronokan yang diinginkan pasti dapat

dikecapi. Menerusi buku ini, pembaca dapat mengukur pencapaian prestasi kemampuan bekerja dalam jangka masa pendek dan panjang.

Buku ini sesuai dibaca bagi tujuan memahirkan serta membina rasa seronok di dalam diri seseorang pekerja. Semoga buku ini dapat memberi panduan dan mampu menjalankan tugas dengan lebih seronok, komited, cekap dan berdisiplin dan dapat bekerja secara berpasukan. Pelbagai cara, konsep dan kaedah digunakan untuk mencari keseronokan bekerja yang tersembunyi. Semoga buku ini dapat membantu anda di luar sana yang masih lagi tercari-cari akan keseronokan bekerja.

Pengulas:

Nor Hidayah Othman

Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NORELLA IZNIN

Memancing hati anak remaja

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2012. 119ms.

ISBN 978-967-411-019-2

ULASAN

Remaja pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12-21 tahun. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang itu mengalami zaman remaja dia akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibat daripada itu, orang remaja merupakan orang yang emosinya tidak stabil, dan sentiasa "bermasalah".

Dengan perkembangan arus teknologi yang meliputi media masa dan internet, remaja sekarang kerap terdedah kepada pelbagai anasir dan pengaruh. Sekiranya pengaruh yang mereka terima itu positif, mereka akan menjadi lebih kreatif dan pintar. Tetapi, jika mereka terpengaruh dengan anasir negatif ini akan menjerumuskan mereka ke dalam aktiviti yang kurang sihat. Oleh kerana nilai lama bercanggah dengan nilai budaya baru ini, timbul masalah komunikasi antara generasi ibu bapa dan generasi

anak-anak. Komunikasi berkesan perlu dipelajari bagi mengatasi masalah ini.

Komunikasi ialah seni menyalurkan maklumat, idea dan sikap daripada seseorang kepada pendengar lain. Komunikasi juga dikaitkan dengan proses pemindahan maklumat, perasaan, idea dan fikiran seseorang individu kepada individu ataupun kepada kumpulan individu lain.

Komunikasi berkesan adalah penting bagi mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga. Ia akan meningkatkan kualiti hidup yang seimbang dalam diri setiap ahli keluarga dan seterusnya ke dalam kelompok masyarakat sekeliling. Komunikasi berkesan adalah apabila mesej yang disampaikan oleh pengirim dapat difahami dengan sempurna oleh penerima. Komunikasi yang efektif mengalakkan penggunaan bahasa yang beradab dan sopan. Asuhan seperti ini membina remaja yang seimbang dan prihatin.

Bukan sahaja ibu bapa yang harus memperbaiki cara berkomunikasi, anak-anak pun harus peka dan memahami perasaan ibu bapa mereka. Kalau saling memahami antara ibu bapa dengan anak-anak, tentu tiada masalah dalam komunikasi. Kadang-kadang setengah perkataan yang diucapkan oleh ibu bapa kepada anak remaja tidak dapat diterima dengan baik. Malah mengundang banyak masalah, terutamanya anak-anak remaja yang sedang bermasalah. Kebanyakan ibu bapa tidak tahu apa harus dilakukan apabila anak-anak remaja mereka datang dengan masalah atau perasaan. Setengah ibu bapa langsung tidak membantu memainkan peranan sebagai kaunselor atau sesetengah itu langsung tidak mahu berperanan sebagai pembantu atau kaunselor kepada anak mereka sendiri.

Apabila anak remaja mendapati ibu bapa mereka tidak peka dengan masalah mereka, maka mereka akan mencari alternatif sama ada merujuk kepada guru atau kaunselor di sekolah. Ada juga yang akan mencari rakan baik atau memasuki mana-mana laman sosial dengan harapan ada insan yang prihatin akan membantu melegakan tekanan yang dihadapi. Ibu bapa mempunyai dua alasan yang lumrah digunakan iaitu merasakan tidak pandai atau tidak berupaya untuk menangani masalah remaja dan kedua, merasakan apa yang diperkatakan sentiasa tidak diterima oleh anak remaja

mereka. Mengikut kajian dan juga maklum balas daripada remaja, didapati ramai ibu bapa menggunakan bahasa yang kurang tepat dan kurang senang diterima.

Apabila anak remaja sedang mengalami masalah, sama ada masalah peribadi atau di sekolah, maka segala yang dituturkan dan dicakapkan oleh ibu bapa akan diandaikan oleh anak sebagai kurang selesa, sama juga dengan mesej pujian akan menjadi kurang kena jadinya.

Kita diberikan dua telinga dan satu mulut, jadi adalah lebih berkesan dengan memberikan lebih tumpuan kepada kemahiran mendengar dan lebih berhati-hati apabila bercakap, kerana lontaran perkataan itu boleh menyinggung perasaan si pendengar itu seperti pepatah Melayu “Terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata akan binasa.” Selain itu, kemahiran mendengar juga perlu dipelajari dan keikhlasan dalaman adalah sangat penting dalam menghulurkan bantuan. Ibu bapa disarankan supaya bangun malam meminta dengan Allah SWT supaya hati dilembutkan untuk perubahan kepada kebaikan dan segala usaha kita dalam mendidik anak cuma 10 peratus dan selebihnya adalah ketentuan Allah. Maka, usaha, doa dan tawakal. Semoga Allah memberikan hidayah. Insya-Allah.

Pengulas:

Zuraidah Mohamed
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ARINI H.

Mengapa seorang ibu harus menyusukan anak?

Kuala Lumpur : Ar-Risalah Product, 2013. 192ms.

ISBN 978-967-0268-64-4

ULASAN

Susu ibu adalah makanan paling sempurna bagi bayi untuk perkembangannya bagi tempoh enam bulan terawal. Dengan menyusu bayi akan mendapat kasih sayang dan ikatan emosi atau rasa yang kuat sehingga mereka merasakan bahawa kehadirannya ke dunia tidak disiakan. Ramai yang menganggap bahawa penyusuan ibu adalah satu fenomena semulajadi yang akan berlaku apabila seseorang melahirkan anak. Justeru, apabila menghadapi masalah seperti susu ibu semakin berkurang, ramai yang menyangka ia adalah perkara biasa.

Penyusuan bayi adalah sesuatu yang perlu dipelajari kembali dan diberi perhatian penuh bagi yang berazam untuk melengkapkan penyusuan ekslusif selama enam bulan seterusnya dua tahun atau lebih. Buku *Mengapa ibu harus menyusukan anak?* mengetengahkan kepentingan penyusuan, teknik-teknik penyusuan, serta khasiat dan manfaat penyusuan kepada ibu dan bayi.

Di dalam buku ini, pengarang telah berkongsi pengalaman beliau di helaian ‘Indahnya menyusu: Sebuah pengalaman peribadi’ sebagai inspirasi kepada pembaca bagi melengkapkan diri dan minda untuk menjayakan penyusuan ekslusif kepada si manja.

Menyusu boleh dikatakan sebagai satu kewajipan bagi seorang ibu seperti yang telah dijelaskan di dalam bab satu buku ini. Olahan isi dalam tajuk kecil ‘Landasan menyusu dalam Islam’ di buat berdasarkan petikan ayat al-Quran sebagai sumber sokongan kepada penerangan beliau. Manakala di dalam bab dua ‘Fakta tentang air susu ibu’ menghuraikan tentang kandungan semulajadi susu ibu yang mampu memberi nutrien yang ideal, dengan komposisi yang tepat serta bersesuaian dengan keperluan bayi.

Teknik penyusuan yang betul diterangkan secara ringkas dan berkesan melalui ilustrasi jelas seperti di dalam Bab 3 dibawah tajuk ‘Langkah-langkah menyusu’. Selain itu, penerangan mengenai masalah dan penyelesaian di dalam penyusuan telah disusun dengan baik di dalam bentuk jadual ringkas yang mampu memberi kefahaman mudah kepada pembaca seterusnya menyisih segala tanggapan buruk mengenai kesukaran di dalam melakukan penyusuan ekslusif kepada bayi.

Lebih menarik lagi, di dalam Bab 4, pengarang menyediakan beberapa cara yang sesuai untuk menghentikan penyusuan (bercerai susu) secara semulajadi tanpa memaksa dan mengikut perkembangan anak berdasarkan kepada penerangan pakar laktasi.

Kesimpulannya, buku ini dapat memberikan semangat, motivasi dan panduan kepada ibu-ibu untuk berjaya di dalam melakukan penyusuan ekslusif. Tidak dinafikan susu formula juga mempunyai khasiat yang banyak untuk pertumbuhan bayi. Namun, susu ibu sememangnya satu kurniaan yang tidak terbanding untuk permata hati sekaligus membina ikatan emosi dan kasih sayang yang besar antara ibu dan anak.


Pengulas:

Wan Nai'ma Wan Nawang

Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



TOLLE, ECKHART
The power of now : sampai bila mahu tunggu. Ed.
bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor : PTS Professional, 2013.
239ms.
ISBN 978-967-369-187-6

ULASAN

Eckhart Tolle merupakan salah seorang pengarang dalam bidang *spiritual* yang terkenal dewasa ini. Beliau merupakan penulis dua buah buku dalam bidang *spiritual* yang digemari ramai iaitu *The Power of Now* dan *A New Earth: Awakening to Your Life's Purpose*. Pengajaran mudah Tolle telah membantu ramai orang dari serata dunia mempelajari kaedah bagi mencapai ketenangan dalaman.

Buku pertama beliau *The Power of Now* telah diterbitkan pada penghujung tahun 1990-an. Ianya telah menjadi buku bukan fiksyen terlaris dan pernah menduduki tempat pertama dalam *New York Times Bestseller* serta diterjemahkan ke dalam 33 bahasa. Buku kedua beliau *Stillness Speaks* telah diterbitkan pada tahun 2003. *A New Earth: Awakening to Your Life's Purpose* merupakan buku ketiga beliau dan telah diterbitkan pada tahun 2005. Selain menulis, beliau juga merupakan penceramah terkenal dan mengendalikan seminar dan bengkel di serata dunia.

Penulis menekankan mentranformasikan kesedaran minda manusia dalam *The Power of Now*. Manusia sering mempersalahkan individu lain, perkara, ataupun peristiwa di luar sana sebagai punca segala masalah kegelisahan, keluh-kesah dan penderitaan emosi yang mereka alami selama ini. Apa yang tidak disedari, punca sebenar berada dalam diri mereka sendiri di mana mereka membiarkan minda menakluk diri mereka.

Buku ini mengajak kita menilai dan melihat kembali diri kita sedalam mungkin dan merupakan pengolahan terperinci dan teliti tentang perkara yang menyekat keupayaan kita untuk melihat di luar lingkungan minda kita. Keindahan kehidupan patut diharungi apa yang dikatakan oleh Tolle sebagai menikmati saat sekarang ("the Now," or "Being," or "Presence.")

Tolle berpendapat minda kita digerakkan untuk berfikir dalam lingkungan masa lepas, masa sekarang dan ke hadapan. Ini bermaksud kita sering leka dengan memandang ke belakang dan ke hadapan dari menumpukan kepada saat sekarang. Kita menumpukan kepada perkara yang lepas kerana ianya memberi kita persamaan dan menumpukan kepada masa hadapan kerana di sinilah impian, harapan dan kebimbangan kita terletak.

Penulis mengajar kita supaya jangan terperangkap dalam kenangan silam dan jangan terlalu risau tentang masa hadapan. Beliau mengajak kita hidup dan nikmati saat sekarang. Kita akan lemas jika terkenangkan masa silam dan cemas apabila terfikirkan masa hadapan. Kehidupan harus dinikmati saat ini.

Tolle mengajar pembaca bahawa penderitaan datangnya dari lingkungan minda kita sendiri, bukannya apa yang orang lain lakukan terhadap kita atau apa yang berlaku kepada kita, sebaliknya minda kita yang membuat kita stres, kecewa atau mengalami apa sahaja emosi negatif. Apa yang diajari penulis ialah sesuatu yang kita lupa iaitu kita bukanlah minda kita. Kita perlu menjadi pemerhati kepada diri kita sendiri. Untuk menjadi pemerhati bermakna kita perlu memisahkan emosi dari diri kita sebelum ianya membelenggu dan menjadi masalah.

Kaedah terbaik untuk menjadi pemerhati ialah melalui seperti apa yang judul buku


cadangkan iaitu, the *power of the now* (menikmati saat sekarang). Saat sekarang sahajalah yang kita miliki. Perkara yang sudah berlalu tidak akan kembali atau terjadi lagi dan masa hadapan masih belum berlaku. Masa hadapan juga tidak akan membawa kepada kita kebahagiaan. Kita selalu berfikir “Saya akan gembira apabila...Bagaimana dengan kegembiraan saat sekarang? Penulis berpendapat bahawa dengan berada dalam saat sekarang masalah dan penderitaan tidak boleh wujud.

The Power of Now memberi panduan kepada pembaca bagaimana mereka boleh mengenalpasti diri mereka sebagai pencipta kepada penderitaan mereka sendiri dan bagaimana untuk bebas dari penderitaan dengan hidup menikmati saat sekarang. Menyelami diri sebenar boleh dipelajari dengan membebaskan diri kita dari belenggu minda yang menyekat dan menjalani kehidupan saat ini dengan bahagia.

Pengulas:

Rosenah Abdul Karim
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



KIYOSAKI, ROBERT T.

Rich dah poor dad. Ed. bahasa Melayu

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2012.

216ms.

ISBN 978-967-369-166-1

ULASAN

Buku ini memaparkan tentang perancangan kewangan peribadi dan cara-cara untuk menjana kewangan bersandarkan sumber yang sedia ada. Ia turut mengajak pembaca untuk berfikir secara luas dan melihat dunia menerusi perspektif yang luar dari lingkungan biasa agar dapat melihat pentingnya pengurusan kewangan berdasarkan ilmu, pengetahuan dan pengalaman. Buku ini bakal mengubah perspektif pembaca terhadap persepsi mengenai wang dan mengeluarkan pembaca dari kitaran yang biasa iaitu bekerja hanya untuk mendapatkan gaji tanpa mampu menambahkan nilai kekayaan. Seseorang itu tidak perlu belajar sehingga ke peringkat yang tertinggi untuk menjadi kaya kerana kekayaan itu boleh dipupuk menerusi pengurusan kewangan yang efisien. Perdebatan berkaitan definisi kekayaan yang dibincangkan di dalam buku ini mampu mengubah cara pembaca melihat isu-isu kewangan yang banyak menjerat para pengguna.

Buku ini ditulis untuk mengabadikan ucapan terima kasih kepada dua orang model

ayah penulis yang menjadi model ikutan yang terhebat, iaitu ayah kandungnya, seorang yang berpendidikan tinggi namun terikat dalam kebatasan kewangan dan ayah angkatnya, yang berpendidikan rendah namun mampu menjana kekayaan berlipat kali ganda. Penulis menulis berdasarkan pengalaman hidupnya sendiri iaitu menerusi pembelajaran selama 30 tahun dari ayah angkatnya dan pembelajaran seumur hidup dari ayah kandungnya.

Maklumat dan fakta yang disampaikan disertakan dengan contoh yang nyata. Penulis menjadikan pengalaman hidupnya sendiri sebagai bukti untuk menyokong maklumat yang disampaikan dan disusuli dengan contoh-contoh yang berlaku di dalam lingkungan hidupnya untuk memudahkan pemahaman pembaca.

Pembaca akan dapat memahami cara-cara untuk menguruskan kewangan peribadi dengan bijak dan cara untuk menjana kekayaan berdasarkan sumber kewangan yang ada kerana penulis menyampaikan contoh-contoh yang mudah untuk difahami oleh pembaca yang tidak mempunyai latar-belakang dalam bidang kewangan, perakaunan ataupun bidang perniagaan. Beliau menerangkan secara terperinci tentang cara untuk melaburkan wang dan sifat positif yang perlu ada dalam diri agar mampu bersaing untuk mengumpul kekayaan. Buku ini dapat membantu pembaca untuk membina kekayaan berasaskan kewangan yang kukuh, membezakan antara aset yang menambah kekayaan dengan liabiliti yang menghabiskan wang, mencapai kebebasan kewangan dan kepuasan bekerja serta membuatkan wang bekerja untuk kita.

Penulis menggunakan daya penulisan deskriptif bagi memudahkan pembaca memahami maklumat yang disampaikan. Maklumat, fakta dan isu yang disampaikan dikarang menggunakan ayat yang mudah untuk difahami oleh orang biasa. Penulis juga menyisipkan contoh situasi dalam setiap perkara agar dapat membantu pembaca memahami isu yang dibincangkan. Penulis membincangkan tentang pengalaman hidupnya sendiri agar dapat dijadikan panduan oleh pembaca seperti cara-cara membuat pelaburan mudah dan cara mendapat keuntungan menggunakan modal yang rendah.

Buku dalam bidang kewangan ini memaparkan tentang pengalaman penulis untuk

menguruskan kewangan peribadi dan menjalankan pelaburan untuk mengumpul kekayaan. Semua peringkat pembaca, sama ada kanak-kanak atau dewasa, sesuai membaca buku ini kerana penulis memaparkan pengalaman hidupnya sejak di usia muda iaitu seawal usia 9 tahun.


Pengulas:

Hazlifah Zaidi

Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AZHACOLANY, ALI HASAN
Segala puasa dalam Islam : kepentingan, faedah, doa dan amalan-amalannya. Ed. bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah House of Publisher,
2013. 168ms.
ISBN 978-967-0465-44-9

ULASAN

Ibadah puasa adalah termasuk dalam rukun Islam. Ini bermakna puasa termasuk ibadah yang menjadi perkara asas untuk membina peribadi Muslim. Puasa mengandungi pelbagai hikmat dan prinsip agama yang dijangka mampu memandu manusia menghadapi hari-harinya di muka bumi ini untuk mendapatkan hasil yang lebih lumayan pada akhirat kelak. Permulaan puasa fardu setahun sekali pada bulan Ramadhan menandakan betapa pentingnya untuk setiap manusia menghargai nilai masa yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t berjumlah 365 hari. Buku yang ringkas namun padat dengan isi kandungan ini mempunyai 13 bab yang diuraikan oleh penulis dengan turut disertakan dengan potongan ayat dari Quran.

Maksud puasa boleh dikategorikan kepada dua iaitu :

- I. Mengikut bahasa : menahan diri atau menguasainya.
- II. Mengikut Syara' : Menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara yang membatkalkannya mulai dari terbit fajar hingga matahari terbenam

dengan syarat-syarat yang tertentu. Ini berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 183 yang membawa maksud seperti berikut :

'Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas umat-umat yang sebelum kamu, semoga kamu menjadi orang-orang yang bertaqwa.'

Umumnya puasa terbahagi kepada dua iaitu puasa wajib dan puasa sunat. Puasa wajib iaitu puasa pada bulan Ramadhan serta pusa qada', puasa kirafat dan puasa nazar.

Puasa sunat pula ialah seperti puasa bulan Syawal, bulan Zulhijjah, hari Asyura, puasa pada hari Arafah, puasa pada hari Isnin dan Khamis, puasa 3 hari setiap bulan Hijriah, puasa Daud dan puasa bulan Syaaban.

Waktu yang diharamkan puasa adalah pada hari pertama Aidil Fitri dan Aidil Adha serta tiga hari sesudah Aidil Adha yang turut dikenali sebagai hari Tasyrik iaitu pada 11, 12, dan 13 Zulhijjah. Ibadah puasa wajib ditunaikan setahun sekali, iaitu pada bulan Ramadhan. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang mafhumnya : *"wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa"* (Surah al-Baqarah ayat 183)

Rukun puasa adalah berniat pada malam hari (sebaik-baiknya waktu untuk berniat ialah di akhir malam). Orang yang tidak berniat puasa Ramadhan pada malam hari sebelum terbit fajar, tidak dikira puasa pada siang hari itu. Hanya puasa sunat sahaja yang dibolehkan berniat selepas fajar terbit. Disamping itu orang yang berpuasa juga harus menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar hingga terbenamnya matahari.

Syarat-syarat wajib puasa adalah beragama Islam, baligh dan berakal manakala syarat sah puasa adalah beragam Islam, berakal, mumayyiz, berniat, suci daripada hadas haid dan nifas dan juga menahan dari daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa.

Perkara-perkara yang membatalkan puasa ialah makan dan minum dengan sengaja,

muntah dengan sengaja, keluar darah haid dan nifas, keluar air mani dengan sengaja dan melakukan hubungan intim di siang hari. Manakala amalan sunat ketika berpuasa adalah seperti melambatkan bersahur, mempercepatkan berbuka puasa, berbuka dengan kurma dan air putih, berdoa ketika berbuka, memberi makan kepada orang yang berbuka, menghindari perbuatan dan percakapan yang berlawanan dengan ajaran Islam, serta banyak melakukan amalan solat sunat dan terawih.

Kesimpulannya buku ini sesuai sebagai panduan pintar terutama kepada generasi muda yang ingin mengenali dan mengetahui ibadah puasa yang sunat dan yang wajib. Melalui ibadah puasa ini juga seseorang itu mampu menjauhkan diri daripada melakukan maksiat zahir dan batin dan juga mampu mencegah dirinya daripada benda yang terkutuk yang membawa seseorang itu ke jalan yang diredhai oleh Allah.

Pengulas:

Iliza Ismail

Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



HAMIRUDIN HAMIDI
Survival kit pelajar menengah
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2013. 160ms.
ISBN 978-967-0392-29-5

ULASAN

Buku ini dihasilkan atas rasa tanggungjawab Hamirudin Hamidi selaku penulis buku untuk memberi kesedaran minda kepada para pelajar di seluruh Malaysia agar mereka sedar dan mengetahui perkara-perkara yang perlu dilakukan bagi menjalani kehidupan mereka sebagai seorang pelajar menengah. Kebanyakan daripada pelajar tidak mengetahui sebab-sebab mereka ke sekolah. Ada yang hanya tahu datang ke sekolah dan selepas setengah hari di sekolah, mereka akan pulang dari sekolah. Pengisian yang perlu mereka lakukan tidak pula dilakukan semasa di sekolah mahupun di luar sekolah. Buku ini ditulis untuk mengupas permasalahan tersebut demi memastikan setiap pelajar sekolah tahu tujuan utama mereka ke sekolah dan perkara-perkara yang perlu mereka ketahui semasa bergelar pelajar sekolah.

Penulis bijak mengajak pelajar beremosi dengan memulakan penulisan dengan bab yang bertajuk *Memenuhi Harapan Ibu dan Bapa*. Pelajar diajak menghayati kesusahan dan pengorbanan ibu dan bapa menjaga dan mendidik kita sejak dari kecil lagi. Diberi

gambaran betapa susahnya ibu yang mengandung kita selama sembilan bulan, menyediakan makan dan minum walau pun serba kekurangan serta bapa yang membanting tulang empat kerat di sawah ladang di bawah terik mentari yang membakar keringat demi mencari sesuap nasi untuk kita sekeluarga. Pengorbanan dan jasa ibu bapa begitu besar sekali dan wajar kita membalaik jasa mereka. Malahan dalam Islam dituntut agar kita berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa.

Pelbagai tips dan teknik turut dinyatakan oleh penulis. Pelajar perlu bijak membahagi masa untuk mengulang kaji pelajaran dan perlu mahir mengingati fakta penting bagi setiap pelajaran. Pengurusan dalam merancang teknik pembelajaran yang sistematik dan berkesan juga penting agar pelajar sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menghadapi peperiksaan. Pelajar digalakkan belajar secara berkumpulan. Sesi soal jawab bersama rakan serta membuat latih tubi bersama-sama boleh membantu seseorang pelajar meningkatkan daya ingatan dan juga memahirkan dari segi teknik menjawab soalan peperiksaan. Tip dan teknik yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu pelajar berasa selesa dan yakin untuk menghadapi peperiksaan.

Penulis turut menyatakan pentingnya memilih sahabat yang positif dan betul semasa di dalam persekolahan dan penulis mengibaratkan umpama memilih pasangan hidup. Sahabat yang salah akan mempengaruhi kita untuk membuat sesuatu yang salah sementara sahabat yang betul akan membawa kita ke jalan yang betul. Apabila kita sentiasa mendampingi sahabat yang positif, secara tak langsung kita akan merasai aura yang ada pada mereka dan kita juga akan menjadi sebahagian daripada mereka. Sudah pasti apa sahaja perkara yang baik yang ingin mereka lakukan, akan dilakukan bersama dengan kawan yang setia dengan mereka termasuklah diri kita sendiri.

Buku ini diakhiri dengan tajuk *Cita-Cita ke IPT*. Penulis menegaskan cita-cita melanjutkan pelajaran ke IPT harus disemai sejak memasuki sekolah menengah lagi, walaupun ramai pelajar hanya menyedarinya ketika memasuki tingkatan lima iaitu tahun peperiksaan SPM yang bakal akan ditempuhi pelajar. Pelajar harus menetapkan matlamat dan berusaha bersungguh-sungguh untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang paling tinggi. Ini adalah harapan kedua ibu bapa kita kerana mereka tidak mendapat peluang pendidikan tinggi pada suatu ketika dahulu. Tidak seharusnya

kita mewarisi keadaan mereka, kerana kitalah yang akan membantu mereka mengubah corak kehidupan ke arah yang lebih baik. Pesanan Sayidina Ali Ibn Abi Talib wajar kita renungi bersama-sama, “*Orang yang miskin adalah umpama pendatang asing di negara sendiri*”.

Jelas diamati, buku yang mengandungi 24 bab tips dan panduan pelajar cemerlang ini akan dapat membantu golongan pelajar menengah khususnya dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang harus ditempuhi semasa mereka bergelar seorang pelajar. Kupasan bagi setiap bab dalam buku setebal 160 muka surat ini berkaitan dan berkesinambungan antara satu sama lain. Pengarang bijak menggunakan tajuk-tajuk yang menarik dan ringkas dalam setiap bab sehingga membuatkan pembaca terpikat untuk membaca setiap bab yang dipaparkan. Seterusnya membuatkan pembaca berkeinginan untuk mengetahui lagi bab yang selanjutnya. Segala tip dan panduan yang diberikan juga dapat membantu pelajar supaya menggunakan konsep atau pendekatan yang dicadangkan penulis agar dapat diguna pakai oleh setiap pelajar.

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam memberi ceramah dan motivasi kepada pelajar, penulis telah berjaya menterjemahkan pengetahuan yang dikuasainya dalam bentuk buku. Kaedah penyampaian juga turut disampaikan secara mudah, bersahaja dan santai bagi memudahkan pemahaman pembaca serta tidak membosankan. Dengan terhasilnya buku ini, penulis berjaya menarik golongan sasaran beliau, iaitu para pelajar supaya membaca dan menggalakkan pelajar agar menggunakan panduan serta amalan yang dihasilkan berdasarkan pengamatan dan pengalaman beliau sendiri. Buku ini amat berguna sebagai panduan dan rujukan para pelajar supaya mempunyai perancangan yang baik seperti strategi dan teknik belajar agar sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menghadapi saat menjelangnya peperiksaan. Sewajarnya setiap pelajar harus tidak melepaskan peluang untuk memiliki buku ini.

Pengulas:


Mohd Hafiz Salim

Penolong Pengarah

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




GRIFFITHS, ALEX DAN
JONES, KAREN
**101 senarai penting
menguruskan
tingkahlaku di sekolah
rendah. Ed. bahasa
Melayu**
Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan & Buku
Malaysia, 2012. 149ms.
ISBN 978-983-0688-23-7

Buku ini meliputi senarai yang amat praktikal, inovatif dan berguna untuk menguruskan tingkah laku murid di sekolah rendah dan merupakan bahan rujukan yang baik bagi mereka yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah. Ia merangkumi pelbagai topik seperti memahami tingkahlaku yang mencabar, menggalakkan tingkahlaku yang baik, menangani kanak-kanak marah dan meradang dan bekerjasama dengan ibu bapa, pembantu guru dan rakan sekerja. Siri panduan Guru ITBM menyediakan maklumat yang anda perlu untuk membolehkan anda terus meningkatkan kemahiran dalam bidang perguruan. Buku dalam siri ini ialah 101 Senarai Penting bagi Guru Sekolah Menengah, 101 Senarai Penting bagi Guru Sekolah Rendah, 101 Senarai Penting bagi Pembantu Guru, 101 Senarai Penting bagi Penyelaras Keperluan Pendidikan Khas, 101 Senarai Penting Menguruskan Tingkahlaku dalam Perkembangan Awal Kanak-Kanak, 101 Senarai Penting Menguruskan Tingkahlaku di Sekolah Menengah, 101 Senarai Penting Menguruskan Tingkahlaku di Sekolah Rendah, 101 Senarai Penting Pentaksiran, 101 Senarai Penting Penggunaan ICT di Bilik Darjah dan 101 Senarai Penting Perkembangan Awal Kanak-Kanak.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



AQIF AZIZAN
**Buat duit dengan
freelance blogging :
rahsia penulis jutawan
era baru**
Petaling Jaya : TrueWealth,
2013. 179ms.
ISBN 978-967-416-008-1

Kerjaya *freelance blogging* dikatakan salah satu kerjaya mulia kerana ianya menyampaikan maklumat kepada pengguna internet dan ianya dapat memberikan ‘saham’ akhirat yang berterusan selagi karya-karya tersebut berada dalam blog. Panduan, tatacara dan kelebihan kerjaya ini turut dijelaskan serta ianya juga dapat menjadi punca pendapatan kepada sesiapa sahaja dengan memberikan pulangan wang yang besar. Selain itu kerjaya *freelance blogging* akan dapat kenikmatan dari segi masa kerana kebanyakan masa mereka digunakan untuk membaca bahan-bahan ilmiah dan meneliti pandangan dan pendapat individu yang berbeza menerusi internet mahupun akhbar bagi mengukuhkan maklumat-maklumat penting kepada topik yang dibincangkan. Pengalaman yang dilalui oleh beberapa orang *freelance blogging* telah dikutip untuk memberi buah fikiran kepada pembaca yang ingin mencuba meneroka kerjaya ini.

SINOPSIS BUKU




Citra dan visi sastera Melayu : esei sastera pilihan Dewan Sastera 1990-1999

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
499ms.

ISBN 978-983-46-0826-2

Kompilasi ini merupakan eseai sastera Melayu dari majalah Dewan Sastera yang terpilih dari tahun 1990 sehingga 1999 melalui pengkaryaan 31 orang sarjana sastera yang tersohor pada dekad berkenaan. Karyakarya yang dipaparkan telah dikelompokkan kepada empat bahagian yang setiap satunya membicarakan hubungkait sastera dan sahsiah manusia, citra sastera Melayu, pembinaan teori sastera dan visi sastera Malaysia dan Asia. Setiap karya dalam kelompok yang terpilih jelas menggambarkan kekuatan pengkaryaannya yang tersendiri dengan didokong oleh fakta-fakta pelbagai sumber sama ada dari aspek sejarah, falsafah, teori yang terbukti dan sebagainya yang dianggap relevan bukan sahaja pada masa berkenaan malahan bersifat kontemporari. Apa yang diperjelaskan dalam setiap penghasilan karya di sini menunjukkan kekuatan sastera itu sendiri yang berkembang di peringkat kebangsaan dan global yang merupakan asas ketamadunan bangsa Melayu yang boleh dibanggakan. Setiap eseai dengan topik yang khusus telah dikupas dengan gaya yang cukup menarik dan mengajak pembaca untuk turut serta berbicara dengan saranan serta pendekatan yang sesuai.

SINOPSIS BUKU




NAFFI MAT
Fenomena pendidikan bahasa-sastera Melayu : intergriti peradaban bangsa
Ampang, Selangor : Darul Risalah, 2012. 148ms.
ISBN 978-967-11059-0-0

Guru bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu memainkan peranan dalam menentukan hala tuju nasib bahasa Melayu. Persaingan yang hebat datang dari pelbagai faktor. Peredaran masa dan zaman semakin berkembang. Ledakan teknologi maya yang pesat mempengaruhi kaedah pengajaran dan pembelajaran. Situasi sebegini memerlukan kebijaksanaan bagi setiap guru untuk memantapkan diri dari segi fizikal dan mental agar mampu menyediakan pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja mencakupi kandungan dalam teks malahan juga termasuk menterjemahkan setiap bahagian kurikulum ke arah memartabatkan bahasa Melayu. Kandungan buku ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pendidikan bahasa Melayu dan bahagian pendidikan kesusasteraan Melayu yang memuatkan enam belas artikel. Buku ini secara jelasnya dapat memberi sedikit kekuatan untuk meningkatkan rangsangan kepada guru supaya meneruskan perjuangan memartabatkan bahasa Melayu di puncak kegemilangan agar bergerak seiring dengan transformasi pembangunan negara. Buku ini juga mampu menjadi bahan rujukan yang berguna kepada para pendidik yang ingin meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



CHEONG, YUEN KEONG
Gerakan pendidikan Cina di Malaysia : satu kajian tentang perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002)
Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2013. 438ms.
ISBN 978-967-5832-71-0

Buku ini meninjau tentang gerakan pendidikan Cina di Malaysia khususnya kepada perjuangan Dong Jiao Zong dari tahun 1970 hingga 2002. Tempoh masa ini merupakan jangka waktu pendidikan Cina dilanda banyak krisis dan dilema. Ini disebabkan kesungguhan kerajaan untuk merealisasikan Laporan Razak 1956 yang mencadangkan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal di semua institusi pendidikan. Pelaksanaan kerajaan ini dianggap sebagai suatu tindakan untuk menyekat perkembangan pendidikan Cina dan mengakis identiti sekolah Cina oleh Dong Jiao Zong. Dalam buku ini, permasalahan pencetusan Gerakan Pendidikan Cina diteliti mengikut kerangka konflik etnik, iaitu antara pembentukan bangsa-negara dan pengekalan identiti etnik. Ia juga turut menyentuh perbalahan persepsi tentang konsep pluralistik dalam bidang pendidikan dan bahasa, iaitu antara pemupukan sistem persekolahan satu aliran dengan pelbagai aliran.

SINOPSIS BUKU




Hubungan antarabangsa dan isu terpilih

Sintok, Kedah : UUM
Press, 2012. 197ms
ISBN 978-967-0474-21-2

Secara literalnya buku ini memberi penekanan kepada pengenalan umum tentang hubungan antarabangsa dan penjelasan beberapa isu antarabangsa. Buku ini juga dapat membantu menjelaskan konsep dan teori berdasarkan contoh serta perkembangan yang berlaku dalam sistem antarabangsa. Selain itu, buku ini juga turut menjelaskan dua bidang pemikiran yang saling berkait rapat khususnya bagi sesebuah negara dalam melaksanakan sesuatu dasar dan hubungan luar serta boleh dijadikan sebagai rujukan kepada kumpulan masyarakat terutamanya pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta penjawat awam yang terlibat dalam penggubalan dasar negara. Buku ini merupakan koleksi artikel yang secara umum mengupas hubungan antarabangsa dan penjelasan beberapa isu antarabangsa yang berlaku. Konsep dan teori yang ditampilkan berdasarkan contoh serta perkembangan yang berlaku dalam sistem antarabangsa mutakhir dan dapat membantu para pembaca memahami isu dalam hubungan antarabangsa dengan lebih mendalam.

SINOPSIS BUKU



ABDUL MONIR YAACOB,
DATO'
Islam : merentasi bidang
Kuala Lumpur :
Techknowlogic Trading,
2013. 290ms.
ISBN 978-967-10419-4-9

Buku ini menyerlahkan kesyumulan Islam dalam pelbagai bidang. Empat topik utama yang dibincangkan di dalam buku ini adalah kerohanian, ekonomi, pemikiran fiqh dan kenegaraan. Perbincangan dan kupasan di dalam buku ini disokong oleh perspektif syariah, serta merangkumi isu-isu pembangunan, Al-Quran dan hubungannya dengan al-Sunnah, pengurusan harta dalam Islam dan wakaf. Selain itu, buku ini juga menerangkan secara khusus tentang isu taklid dalam hukum, pemikiran Imam al-Syafii dalam perkembangan ilmu fiqh, konsep asas rawatan pemindahan organ menurut Islam, falsafah Hijrah, patriotisme dan hak-hak wanita. Kepelbagaiannya yang menyeluruh merangkumi semua aspek kehidupan menunjukkan bahawa sesungguhnya Islam ialah satu cara hidup lengkap yang merentasi pelbagai bidang ilmu.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Jati diri dan patriotisme : teras peradaban Malaysia

Tanjong Malim, Perak :
Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 2012. 252ms.
ISBN 978-983-4143-18-3

Patriotisme adalah perjuangan yang menjawai kepada kepentingan bangsa dan negara. Usaha mengekalkan semangat juang yang tinggi, mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara yang memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar merupakan tanggungjawab setiap rakyat. Nilai patriotisme yang patut diterapkan dalam hati dan jiwa generasi muda seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan rakyat yang patriotik dan bertanggungjawab pada bangsa dan negara. Semangat patriotisme perlu dibangunkan melalui dasar pembangunan manusia iaitu membabitkan ekonomi, politik, sukan, pendidikan, hubungan diplomatik dan penglibatan Malaysia dalam konteks globalisasi. Usaha haruslah dilakukan dengan menonjolkan imej Malaysia sebagai bangsa dan negara yang berwibawa di arena antarabangsa.


SINOPSIS BUKU



NUA KIDAL DAN CIKGU MURNI
Kayakan diri anda dengan teknik FLIP
Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2012. 126ms.
ISBN 978-967-388-110-9

Buku ini menuntun pembaca untuk menyeimbangkan gaya hidup optimis melalui perubahan yang bukan sahaja berfaedah untuk diri sendiri dalam meraih harta kekayaan malahan mengubahnya kepada luar biasa dengan menjadikan kita turut kaya dengan motivasi serta mengamalkan kecintaan berlandaskan Islam. Panduan dan tips langkah demi langkah serta diiringi dengan bukti tokoh-tokoh yang telahpun berjaya dari kegagalan sebelum ini dalam menjana pendapatan merupakan motivasi kepada anda untuk terus mengetahui teknik FLIP dengan berkesan. FLIP adalah pendekatan akronim kepada Fokus, Laksana, Impian dan Peribadi yang mengubah sikap pesimis kita kepada nilai-nilai optimis. Beberapa kaedah alternatif yang disarankan dalam pelbagai situasi demi menjamin penjanaan kekayaan dapat dihasilkan secara optima dan menggandakannya iaitu antaranya bagaimana memaksimakan duit simpanan. Persaingan dalam meningkatkan nilai hidup berkualiti dalam diri manusia memerlukan seseorang itu mempunyai ciri-ciri bermotivasi tinggi, berdaya saing, semangat juang dan sanggup menerima risiko dalam arus perubahan moden.

SINOPSIS BUKU



PUTERI HAYATI MEGAT
AHMAD

Kemahiran dan pengurusan kes-kes kaunseling

Kota Kinabalu : Penerbit
Universiti Malaysia Sabah,
2012. 197ms.

ISBN 978-967-5224-83-6

Buku ini memberi peluang kepada pembaca khususnya pengamal kaunseling dapat mempelajari dan memahami secara lebih mendalam pengertian istilah-istilah kaunseling seperti pengurusan, pengkonsepsian kes dan penyediaan perancangan rawatan di mana perkara ini agak asing di dalam dunia kaunseling di Malaysia. Penulisan buku ini bertujuan untuk menambahkan lagi bahan dan sumber rujukan bagi pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia khususnya dalam bidang profesion menolong. Sebahagian besar penulisan buku ini berasaskan buku "*Skills and tools: for today's counsellors and psychotherapists*" oleh Edward S. Neukrug dan Alan M. Schwitzer serta garapan bacaan dari sumber-sumber lain oleh penulis. Kemahiran dalam pengurusan kes-kes kaunseling adalah berkaitan dengan instrumen klinikal yang merangkumi lima elemen iaitu pendokumentasian, konsultasi, penyeliaan dan kolaborasi, komunikasi dengan pihak berkepentingan, aktiviti berorientasikan perniagaan dan pengurusan beban kes. Akhir sekali, dalam memberikan perkhidmatan membantu yang berkesan, banyak aspek yang mesti diambil kira oleh seseorang pengamal profesional.

SINOPSIS BUKU




Kesarjanaan peradaban Melayu

Tanjong Malim, Perak :
Institut Peradaban Melayu,
Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 2012. 173ms.
ISBN 978-983-416-812-4

Peradaban Melayu telah lama bertapak di Asia Tenggara. Peradaban ini telah berkembang dari kebudayaan Melayu yang merupakan di antara penduduk asal rantau ini. Wilayah peradaban atau ketamadunan tersebut dikenali dengan pelbagai nama seperti gugusan Kepulauan Melayu, Nusantara, Alam Melayu dan Tanah Jawi. Dua perkara penting yang mewarnai peradaban wilayah ini ialah bahasa Melayu yang menjadi *lingua franca* dan agama Islam yang merupakan pelengkap kepada pembentukan peradaban ini. Kumpulan ini adalah dapatan penyelidikan sarjana-sarjana Melayu dalam bidang kepakaran masing-masing. Terdapat sebelas esei ilmiah yang berkaitan Peradaban, Sejarah, Bahasa, Kesusastraan, Sistem Sosio-ekonomi, Undang-Undang, Nilai dan Adat, Identiti Sosial dan Diaspora Melayu. Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar menjelaskan secara tuntas tentang tiga ciri utama wujudnya sesuatu peradaban atau tamadun iaitu kesejahteraan fizikal, sistem pemerintahan dan kemurnian kerohanian. Dijelaskannya juga bagaimana bahasa mampu menjadi alat pemikiran yang tinggi ke arah perkembangan dan kemajuan sesuatu peradaban sesuatu bangsa.

SINOPSIS BUKU




SHAFIE ABD. RAHMAN
**Khairuddin Barbarossa :
admiral Islam yang
digeruni angkatan laut
Eropah**
Batu Caves, Selangor :
Yamani Angle, 2013.
381ms.

ISBN 978-967-5370-95-3

Sesetengah pengkaji sejarah cenderung mengatakan bahawa filem "Pirates of the Caribbean" ada kaitannya dengan seorang pahlawan Islam abad ke-16 pada zaman Empayar Uthmaniah bernama Khairuddin Barbarossa. Walau bagaimanapun filem tersebut telah diubahsuai daripada kisah sebenar Khairuddin yang menjadi iguan ngeri kepada tentera laut Kristian pada abad itu. Khairuddin Barbarossa digelar sebagai "Lanun Berjanggut Merah" oleh tentera laut negara Kristian untuk menenggelamkan watak sebenar beliau sebagai pahlawan Islam yang tiada tolok bandingnya. Usaha ini dapat dikesan untuk mengelakkan generasi umat Islam mengetahui kisah sebenar jasa dan kepahlawanan beliau dalam berhadapan dengan tentera laut negara-negara Kristian Eropah. Namun hakikat sejarah tidak boleh berbohong. Nama Khairuddin Barbarossa begitu harum sebagai "hero" yang telah menyelamatkan berpuluhan-puluhan ribu umat Islam di Andalusia (Sepanyol) yang terpaksa melarikan diri untuk menyelamatkan pegangan iman akibat kejatuhan kerajaan Islam yang terakhir di Andalusia ke tangan raja-raja Kristian. Khairuddin Barbarossa telah mengukir kejayaan manis dalam perjuangannya di laut apabila berjaya menewaskan Armada Laut Tentera Salib yang digerakkan oleh Pope Paul III pada tahun 1538.


SINOPSIS BUKU



AS'ADI
Kisah Harut dan Marut.
Ed bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House Of
Publisher, 2013. 156ms.
ISBN 978-967-0465-47-0

Persoalan berkenaan apakah yang dinyatakan sebagai Harut dan Marut dalam persepsi masyarakat Islam secara keseluruhannya jelas dapat difahami dengan sebaiknya melalui pembacaan buku ini. Susunan bab demi bab pada buku ini yang diatur secara rapi dapat memudahkan pemahaman pembaca dengan topik perbincangan secara khususnya berkenaan para Malaikat, sejarah dan peranannya dalam erti kata melalui pelbagai sudut yakni al-Quran, hadis-hadis, versi kepercayaan agama-agama lain, pengkisahan israeliyat, pengriwayatan oleh tabiin dan sebagainya. Secara nyatanya penjelasan yang diberikan ada perkaitannya di antara Harut dan Marut dengan Malaikat. Segala penjelasan berkenaan Harut dan Marut yang dijelaskan secara tidak langsung telah membawa dimensi pembaca dengan konsep pengetahuan yang lebih global. Terdapat percanggahan di antara perincian penjelasan Harut & Marut riwayat israeliyat (versi tradisi yahudi) yang diyakini mengandungi mitologi yang ditolak Islam dengan maklumat bersumberkan al-Quran dan sunah. Buku ini turut memuatkan pengisian sihir dari aspek sejarah keujudan peramalan dan pengubatan dalam kisah Harut dan Marut mulai dari zaman nabi-nabi terdahulu sehingga sekarang.


SINOPSIS BUKU



YANUAR ARIFIN
Kisah inspirasi orang yang kaya ketika masih bergelar mahasiswa
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.
170ms.
ISBN 978-967-0268-65-1

Buku ini mengandungi kisah-kisah inspirasi mereka yang meraih kejayaan dan kekayaan sejak bergelar mahasiswa lagi. Antara tokoh-tokoh yang dikenali dalam buku ini ialah Mark Zuckerberg dan Bill Gates. Untuk menjadi manusia yang hebat, mereka selalu belajar dari kesilapan dan bekerja keras. Mereka juga yakin bahawa keajaiban tidak akan berlaku dengan sendirinya tanpa melakukan sesuatu. Kejayaan yang dikehendaki oleh mereka bukan diperolehi dengan sekilip mata tetapi bermula dari kesungguhan dan kecekalan mereka mengambil risiko dalam menjalankan perniagaan yang diceburi. Kebanyakan daripada mereka ini menggunakan peluang yang ada ketika bergelar mahasiswa untuk memulakan perniagaan dan setelah mendapat apa diperlukan, mereka tidak ragu-ragu untuk meninggalkan alam pengajian dalam meneruskan impian mereka. Kejayaan ini telah berjaya meletakkan mereka di antara nama-nama yang terkenal di dalam bidang masing-masing.

SINOPSIS BUKU




CHEK MAT
Kursus kepimpinan profesional : bacaan wajib untuk kesemua pegawai dan jurulatih organisasi latihan
Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors, 2012. 323ms.
ISBN 978-967-61-2612-2

Buku ini ditulis khusus untuk golongan profesional yang berkhidmat di dalam sektor awam, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Kandungannya mendedahkan maklumat penting dalam bidang kepimpinan dan pengurusan organisasi yang mutakhir. Menerusi kaedah pembelajaran pengalaman yang sistematik, para pembaca atau peserta akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran memimpin dan membina kecemerlangan diri di dalam sesebuah organisasi. Pelaksanaan kursus ini berdasarkan sistem modular. Setiap peserta atau pembaca dibimbing secara sistematik dari modul 1 hingga ke modul 16. Dimulakan dengan pengenalan konsep kepimpinan profesional sehingga ke peringkat aplikasi input pembelajaran. Setiap modul dipenuhi pula dengan aktiviti pembelajaran individu dan berkumpulan untuk menceriakan suasana latihan. Buku berbentuk latihan komprehensif ini amat sesuai untuk dijadikan panduan latihan untuk semua kaunselor, fasilitator, jurulatih, pegawai latihan, guru kurikulum, dan para pelajar yang mengambil kursus dalam bidang pembangunan sumber manusia, bimbingan kaunseling dan pengurusan organisasi.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



JAMIL ABU BAKAR DAN
AZILAH MOHAMED AKHIL
**Landscape keselesaan
termal**
Johor Bahru : Penerbit UTM
Press, 2012. 81ms.
ISBN 978-983-5208-30-0

Buku ini membincangkan tentang komponen asas iklim mikro dan kesan iklim mikro ke atas keselesaan termal landskap. Keselesaan termal adalah berkait rapat dalam mewujudkan persekitaran yang seimbang, indah dan harmoni. Unsur-unsur landskap adalah terdiri daripad air, tumbuhan, struktur, topografi, manusia dan haiwan. Ini memainkan peranan dan berfungsi bagi menghasilkan keselesaan termal yang baik. Landskap lembut yang terdiri daripada pokok dan elemen semulajadi harus disepadukan dengan landskap kejur yang meliputi unsur binaan seperti siar kaki, tempat duduk dan unsur binaan lain bagi menghasilkan kesan yang lebih signifikan terhadap iklim mikro yang secara langsung mempengaruhi keselesaan termal manusia.

SINOPSIS BUKU




Malaysia-Indonesia : kepelbagaian sudut pandang

Sintok, Kedah : UUM
Press, 2012. 241ms.
ISBN 978-967-0474-30-4

Malaysia berkongsi bahasa, budaya dan mempunyai persamaan agama yang cukup jelas dengan Indonesia. Berasaskan faktor geopolitik, tidak dinafikan sebarang perkembangan di Indonesia akan memberi kesan kepada Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Buku ini berupaya menjadi landasan bagi memahami sejarah persamaan, cabaran hubungan dan isu-isu semasa di kedua-dua buah negara. Sepuluh makalah yang dimuatkan dalam buku ini dibahagikan kepada empat tema utama iaitu sejarah hubungan wilayah dan ideologi; tokoh dan pemikiran; peranan dan isu bahasa; dan permasalahan sosial iaitu setinggan dan migrasi di kedua-dua buah negara. Sebagai rumusannya, hubungan Malaysia-Indonesia perlu diperkasa bagi memastikan kesinambungan sejarah hubungan antara kedua-dua buah negara di alam Melayu ini berterusan bagi mengharungi cabaran pembentukan negara bangsa dan pembangunan global.


SINOPSIS BUKU



HALIZA ABDUL MUTALIB
Masalah penglihatan kanak-kanak
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
102ms.
ISBN 978-983-46-1025-8

Bertitik tolak dari pengalaman penulis sebagai seorang optometris, lantas telah diterjemahkan ilmu ke dalam bentuk penulisan berkenaan penjagaan penglihatan kanak-kanak bersama-sama ibu bapa dan mereka yang terlibat dalam penjagaan penglihatan. Banyak masalah umum yang biasa didengari tetapi kurang difahami diterangkan secara mudah tetapi sudah cukup bagi seseorang untuk mendapatkan maklumat tentang kaedah rawatan yang diperlukan, atau lebih prihatin tentang komplikasi masalah tersebut. Terdapat banyak bab diuraikan seperti mata malas, terapi penglihatan, masalah juling, pemasangan kanta sentuh, trauma mata, alahan dan lain-lain perkara berkenaan mata kanak-kanak. Setiap bab ini akan diselitkan dengan nasihat dan kaedah keperluan rawatan. Buku ini amat relevan untuk ibu bapa yang mementingkan kesihatan penglihatan anak-anak dan begitu berguna sebagai maklumat tambahan kepada pegawai yang menceburi bidang kesihatan mata kanak-kanak seperti optometris, jururawat dan pegawai perubatan. Jelasnya kesihatan mata amat penting bagi setiap individu. Namun masalah penglihatan sejak dari peringkat kanak-kanak seringkali diabaikan. Penglihatan anak-anak begitu penting kerana ia merupakan deria yang perlu dirangsang awal agar ia dapat berkembang dengan sebaiknya.

SINOPSIS BUKU




FOX, JANET S.
Menguruskan diri tanpa hilang kawalan
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013. 102ms.
ISBN 978-967-430-032-6

Buku ini boleh dianggap sebagai panduan yang amat sesuai untuk remaja sekolah dalam menangani cabaran dan perkara yang dianggap ‘masalah’ seharian dalam dunia persekolahan. Penggunaan bahasa yang mudah difahami dan pendekatan menarik yang disampaikan secara bersahaja tetapi amat praktis demi membolehkan pembaca dapat dibimbing secara khusus dalam pengurusan diri secara bijak. Panduan bab demi bab dengan memberi fokus kepada perkara-perkara dalam kehidupan yang memerlukan konsep pengurusan secara kreatif dan disiplin diri yang tinggi adalah apa yang diperjelaskan melalui buku ini. Segala syor-syor dengan mengunjurkan konsep langkah demi langkah, penjadualan sebelum melaksanakan sesuatu, perancangan masa dan persediaan menghadapi sesuatu tugas. Buku ini mengatur urus segala panduan dan tip ringkas dari asas beg sekolah, meja belajar, lokar, buku perancangan, kemahiran mengingat sehingga peranan yang harus dilaksanakan oleh para ibu bapa dan guru. Sesiapa sahaja boleh menggunakan buku ini sebagai asas kepada panduan pengurusan diri demi mengurangkan tekanan seharian malahan mempraktikkannya mengikut kesesuaian, baik di rumah mahupun di tempat kerja.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MUHAMMAD NIZAR
JAMALUDIN DAN NUR
HAFIZAH SHAARANI
Panduan memborong di
Vietnam

Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2012. 219ms.
ISBN 978-967-369-169-2

Produk buatan Vietnam mempunyai permintaan dan pasaran yang tinggi di Malaysia. Produk-produknya berkualiti, memenuhi cita rasa tempatan, dan ditawarkan pada harga yang berpatutan. Buku ini menyediakan panduan lengkap untuk para usahawan mengaut keuntungan berganda dan memborong pelbagai barang berkualiti pada harga murah. Makanan halal, hotel yang murah, pengangkutan terbaik, teknik tawar menawar, teknik mengesan penipuan, dan panduan memborong diuraikan secara terperinci dalam buku ini. Panduan memborong dalam buku ini lengkap dengan lokasi plaza borong, lokasi restoran halal, panduan keselamatan, tip survival, dan strategi memborong bagi mendapatkan keuntungan yang maksima. Selain itu, terdapat teknik dan panduan tambahan yang disertakan iaitu teknik tawar-menawar dan mengambil hati peniaga Vietnam, panduan memilih produk yang laris di pasaran, panduan menghantar barang ke Malaysia dengan cepat, murah dan selamat serta panduan beribadah dalam kesibukan di plaza borong.

SINOPSIS BUKU




Patriotisme dan nasionalisme persuratan Melayu dalam peradaban Malaysia

Tanjong Malim, Perak :
Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 2012. 255ms.
ISBN 978-983-4168-14-8

Bak kata pepatah “mata pena itu lebih tajam dari mata pedang”. Pepatah ini menunjukkan bahawa hasil tulisan karya individu itu boleh menjatuhkan dan menaikkan semangat seseorang yang menjadi salah satu penyebab buku ini diterbitkan. Awal abad ke-20 puisi moden yang bertemakan patriotisme dan nasionalisme memainkan peranan yang penting dalam Gerakan Kebangsaan di Malaysia. Rangkuman tulisan yang terkandung dalam buku ini amat dihargai kerana ianya merupakan salah satu usaha untuk memberi kesedaran dan membangkitkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu agar bangkit menentang orang asing dan pengaruh Inggeris di Malaysia. Rangkuman tulisan dari tokoh-tokoh sastera tanah air dalam pelbagai bentuk seperti karya prosa, karya kreatif dan artikel menjadi salah satu asas kekuatan kepada orang Melayu dalam meneruskan perjuangan.

SINOPSIS BUKU



Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said


Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
699ms.

ISBN 978-983-46-1277-1

Sasterawan Negara, A. Samad Said merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia persuratan Melayu dan memainkan peranan penting dalam menghasilkan karya yang bermutu untuk membangunkan sahsiah dan minda masyarakat. Buku ini menghimpunkan sebanyak 30 kertas penyelidikan dan perbincangan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh penyelidik sastera tanah air dalam membincangkan pelbagai aspek pemikiran beliau. Penyusunan makalah ini telah diklasifikasikan mengikut pembahagian genre iaitu novel, cerpen, puisi, drama, eseи kritikan dan autobiografi. Hampir kesemua kajian ini mendapati bahawa beliau merupakan salah seorang tokoh yang bertanggungjawab dalam memperjuangkan maruah bahasa Melayu, mempertahankan kesusasteraan dan memperbaiki kepincangan sosial masyarakat melalui hasil karyanya. Malah kritikan sosialnya terhadap pelbagai isu bahasa, sastera dan sosiobudaya masyarakat diungkapkan secara mendalam dan memberi manfaat besar terhadap pembinaan sahsiah diri dan tamadun bangsa. Buku ini sesuai dijadikan sumber rujukan kepada khalayak sastera terutama pengkaji persuratan Melayu dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




KIDD, J.S DAN KID, RENEE A.

**Pencemaran udara :
masalah dan penyelesaian**

Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012. 184ms.
ISBN 978-983-0685-82-3

Buku ini bertujuan menunjukkan usaha ahli sains dan jurutera berusaha membantu penggubal dasar menyelesaikan masalah pencemaran atmosfera. Penyelidikan saintifik memberi penjelasan tentang penyebab pencemaran udara sama ada secara semulajadi mahupun angkara aktiviti manusia, serta menunjukkan cara pencemaran tersebar daripada puncanya ke destinasi akhir. Penyelidik saintifik juga mendedahkan kesan pencemaran terhadap kesihatan manusia, ekonomi dan haiwan serta tumbuhan di persekitaran kita. Selain itu, buku ini juga berusaha menunjukkan cara sains dan teknologi digunakan untuk membantu menyelesaikan masalah masyarakat dan penekanan turut diberi kepada peranan penduduk dalam mewujudkan persekitaran atmosfera yang sebersih mungkin.

SINOPSIS BUKU




MOHD YUSOF AHMAD
**Pendidikan al-Quran :
kunci menjiwai kalam
tuhan**

Batu Caves, Selangor : PTS
Darul Furqan, 2013. 148ms.
ISBN 978-967-0127-42-2

Al-Quran al-Karim merupakan wahyu Allah SWT yang paling sempurna diturunkan sebagai panduan kepada umat manusia seluruhnya. Pelbagai jurus kehidupan manusia tercakup dalam al-Quran tanpa ada sebarang perkara yang tertinggal. Buku pendidikan al-Quran ini berupaya menjadi pelengkap dan memberi nilai tambah kepada pembaca memandangkan perincian khusus diberikan kepada sejarah al-Quran, ciri-cirinya, nuzul al-Quran serta terdapat bab khusus yang mengupas mengenai al-Quran sebagai kitab ilmu serta al-Quran sebagai mukjizat agung. Oleh itu, al-Quran menjadi panduan utama kepada manusia dalam setiap lapangan dan bidang kajian.


SINOPSIS BUKU



MOHD. NOR ANUAR
Penyelidikan berasaskan sekolah
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
346ms.
ISBN 978-983-46-0629-9

Buku ini adalah hasil pengalaman penulis dalam membangunkan teras pendidikan seperti membina modal insan, memperkasakan sistem persekolahan dan melonjakkan kecemerlangan institusi perguruan. Ia membincangkan aspek-aspek pertumbuhan penyelidikan pendidikan secara analitikal dengan analisis perspektif yang dijalankan oleh penulis terhadap asas-asas pendidikan negara. Penyelidikan berasaskan sekolah merupakan satu daripada beberapa teras program pendidikan guru manakala sekolah pula merupakan makmal untuk kajian tindakan di lapangan. Kolaborasi, perkongsian dan kesediaan juga merupakan prasarana-prasarana sosial dan emosi yang ingin dibangunkan melalui pendekatan sinergogi bersama prasarana fizikal. Penglibatan pendidik dan jurulatih bersama pelajar direka bentuk sedemikian rupa supaya pembangunan modal insan guru dapat berjalan dengan selari. Kesimpulannya, peranan pendidik adalah bersifat glokal kerana berkeupayaan memperkasakan kualiti pendidikan negara.


SINOPSIS BUKU



KAMARUDIN NGAH DAN
JAMALUDIN MUSTAFFA
**Perancangan bandar
selamat di Malaysia :
konsep dan pelaksanaan**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
280ms.
ISBN 978-983-46-0708-1

Perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat dapat diwujudkan melalui pelaksanaan prinsip pembangunan mampan serta berfokus kepada manusia atau diasaskan pada *sustainable – people centred development model* menerusi penghayatan nilai-nilai murni. Pelbagai definisi Bandar dapat membantu memahami pengertian sebenar apa itu yang dikatakan Bandar. Perubahan paradigma bandar yang tidak terkawal telah menyebabkan berlakunya kesesakan, tidak teratur, kotor, jangkitan penyakit, setinggan, penjenayahana dan ketidakteraman. Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti punca berlakunya ketidakselesaan tersebut dan kaedah penyelesaian telah dimuatkan untuk melengkapkan buku ini. "*Patern of Crime*" atau corak jenayah dalam pembangunan Bandar dijelaskan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam dan akan menjadi cabaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan pada masa akan datang. Alor Setar menjadi lokasi kajian kes untuk mencari jawapan kepada penyelesaian masalah jenayah bandar.


SINOPSIS BUKU



AMLA SALLEH DAN NILA KEUMALA
Perkembangan kerjaya wanita : satu analisis biografi
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
165ms.
ISBN 978-983-46-0640-4

Buku ini ditulis berdasarkan hasil penyelidikan daripada pengalaman sepuluh orang wanita yang berjaya dan telah mencapai tahap yang tertinggi dalam kerjaya mereka. Tujuan utama buku ini adalah untuk menonjolkan kejayaan wanita yang berjaya dalam kedua-dua bidang iaitu kerjaya dan rumahtangga. Subjek kajian dipilih dalam kalangan wanita yang sangat berjaya seperti mereka yang memegang jawatan menteri, pakar perubatan, jurutera, profesor serta profesional dalam pelbagai bidang. Mereka telah ditemubual secara mendalam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah, strategi dan nilai yang menjadi asas kepada pengurusan kehidupan berkeluarga dan kerjaya. Turut ditonjolkan peranan nilai seperti azam untuk membuktikan kemampuan kaum wanita, sentiasa bersyukur dan redha, serta kegigihan semangat juang yang menjadi pendorong utama bagi setiap kejayaan. Sewajarnya buku ini dapat memberi rangsangan kepada wanita masa kini untuk menghadapi cabaran kerjaya masing-masing. Pengalaman dan cabaran tokoh yang dipaparkan boleh dijadikan model kehidupan dan teladan bagi mengubah corak hidup ke arah yang lebih cemerlang.

SINOPSIS BUKU



SAIDATUL NORNIS HAJI
MAHALI
**Pesona : dialek Melayu
Sabah**
Kota Kinabalu : Penerbit
Universiti Malaysia Sabah,
2012. 141ms.
ISBN 978-967-5224-97-3

Malaysia kaya dengan pelbagai bahasa dan budaya yang boleh menarik perhatian pelancong luar negara. Ini dapat dilihat di mana Sabah mempunyai kira-kira 55 bahasa atau lebih dalam pelbagai dialek dan sebahagian besarnya bahasa etnik peribumi Sabah. Kepelbagaian bangsa dan etnik di Malaysia telah mengujudkan pelbagai dialek yang diucapkan dalam pertuturan harian masyarakat. Terdapat dua kumpulan besar penutur bahasa di Sabah, iaitu *Austronesia* dan *bukan Austronesia* serta *Indo-Eropah*. Kepelbagaian bahasa seperti Bahasa Butung, Lundayeh, Iranum dan lain-lain telah ujud dari beberapa faktor seperti faktor perkahwinan, yang demikian telah menguatkan hubungan antara satu sama lain. Beberapa aspek lain juga turut dibincangkan seperti aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan makna dalam dialek Melayu Sabah selain diselitkan bentuk tradisi lisan.


SINOPSIS BUKU



ABD MALIK IBRAHIM DAN
ABU BAKAR MOHD DIAH
**Petua buat sendiri
inovatif : DIY (do it
yourself)**
Batu Berendam, Melaka :
DIY Gaya Ami Resources,
2012. 307ms.
ISBN 978-967-10007-1-7

Ilmu kemahiran buat sendiri, DIY (do it yourself) merupakan bidang seni yang mencakup pelbagai bidang pendidikan. DIY bermaksud untuk menerangkan kerja pembinaan dan ubahsuai, baik pulih sesuatu benda yang dilakukan sendiri tanpa bantuan pakar. Buku ini membicarakan panduan atau tip menyelesaikan masalah kehidupan harian melalui bingkisan petua DIY secara umum. Buku ini juga memberikan dorongan dan penerokaan awal penerapan budaya DIY secara fiskal dan rohani bagi mengatasi perkara keperluan hidup harian. Melalui pembacaan buku ini, ianya akan dapat membantu pembaca memahami dan mengamalkan konsep DIY secara inovatif, menjimatkan kos upah, menjadikannya sebagai sumber pendapatan sampingan dan motivasi kemahiran kecemerlangan hidup. Kandungan buku ini sesuai untuk rujukan seisi keluarga, warga pendidik dan pelajar yang cenderung terhadap kemahiran hidup harian secara buat sendiri yang lebih inovatif.

SINOPSIS BUKU




Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
2012. 317ms.

ISBN 978-983-46-0909-2

Buku ini bertujuan untuk memaparkan pelbagai aspek kesantunan berbahasa dalam konteks di Malaysia. Kesantunan berbahasa merupakan salah satu aspek yang terkandung dalam sosiolinguistik. Isu kesantunan berbahasa tidak terbatas pada pengetahuan sistem berbahasa sahaja, malah turut melibatkan aspek budaya. Hal ini memberikan gambaran bahawa kesantunan berbahasa menekankan pentingnya "tahu bahasa" dalam kalangan penutur. Isu kesantunan berbahasa yang dibincangkan dalam buku ini merangkumi aspek teori dan praktis, serta merujuk aspek kesantunan berbahasa di negara lain. Terdapat 13 rencana yang ditulis oleh 13 orang pakar bahasa berdasarkan kajian tentang pelbagai aspek kesantunan bahasa. Buku ini sesuai dijadikan sebagai rujukan pelajar sekolah menengah atas, penuntut institusi pengajian tinggi serta penuntut asing yang belajar bahasa Melayu di universiti tempatan atau luar negara. Buku ini juga sesuai untuk pembaca umum yang ingin menimba ilmu dalam aspek kesantunan berbahasa.

SINOPSIS BUKU



VERDICK, ELIZABETH
DAN LISOVSKIS,
MARJORIE
Redakan kemarahan anda
Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan dan Buku
Malaysia, 2013. 111ms.
ISBN 978-967-430-031-9

Buku ini adalah terjemahan daripada versi bahasa Inggeris yang mengandungi pelbagai tip dan teknik untuk membendung dan mengawal perasaan marah. Sesetengah orang dapat menangani kemarahan mereka secara terkawal namun ada juga yang langsung tidak dapat mengawal api kemarahan mereka. Apabila sedang marah, minda dan tubuh seseorang mungkin bertindak balas seperti seekor raksasa. Antara reaksi ketika marah adalah otak akan ligat memikirkan sesuatu yang buruk, mahu menjerit, memekik atau meneriak, mengetarkan gigi, muka merah padam, memandang orang dengan muka yang marah, menggenggam penumbuk, jantung berdegup kencang, perut memulas, suhu badan menjadi tinggi dan menendang atau menghentak kaki. Antara yang dapat dikongsi dalam buku ini ialah langkah untuk meredakan kemarahan iaitu mengenalpasti perkara yang menyebabkan kemarahan, kenali tanda amaran marah pada tubuh diri, berhenti, bertenang dan berfikir, membendung kemarahan serta tentukan tindakan yang harus diambil. Sekiranya api kemarahan dapat dikawal, kita akan berasa lebih tenang dan aman. Perhubungan sesama manusia akan menjadi lebih harmoni dan masyarakat sekeliling akan menghormati kita. Diri kita akan lebih cekal serta kehidupan harian akan lebih sihat.

SINOPSIS BUKU




GREENE, REBECCA
**Remaja dan pembelajaran
di luar lingkungan
sekolah**

Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan & Buku
Malaysia, 2012. 261ms.
ISBN 978-983-068-908-1

Buku ini menerangkan mengenai pelbagai peluang pembelajaran alternatif yang boleh diceburi dengan bagaimana untuk menyertainya, menentukan apa yang sesuai untuk anda, bagaimana membuat persediaan dan apa yang perlu dijangka. Ia juga menerangkan bagaimana untuk mengatasi rintangan dari segi kos, jarak dan masa serta bagaimana untuk memperoleh yang terbaik dengan pilihan anda. Dengan mengikuti pembelajaran alternatif ini, pelajar akan mendapat pengalaman hidup yang bermanfaat dan mungkin tidak diperolehi dalam pembelajaran di kelas. Ia mendorong pelajar berfikir dengan kreatif berdasarkan pengalaman yang didapati hasil daripada pembelajaran alternatif ini. Selain bermaklumat, realistik dan memberikan inspirasi, buku ini juga memaparkan kemungkinan, keberanian mencuba dan peluang untuk mengubah hidup anda.


SINOPSIS BUKU



Resipi makanan tradisional Terengganu
Kuala Terengganu : Sharif Kreatif, 2013. 92ms.
ISBN 978-967-1163-81-8

Buku ini memberi penekanan khusus kepada makanan (kuih-muih dan lauk-pauk) yang dihasilkan oleh masyarakat Terengganu. Buku ini diyakini berupaya menonjolkan negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang bukan sahaja terkenal dengan keindahan pantainya bahkan makanan juga mampu menjadi produk pelancongan kepada dunia luar. Sebahagian daripada kita mungkin tidak sedar pernah merasai makanan yang berasal dari Terengganu tetapi tidak berusaha untuk mengetahui asal usul makanan tersebut. Nasi dagang diketahui umum sebagai salah satu makanan yang berasal dari Terengganu sementara ramai tidak menyedari bahawa buah gomok, rojak betik, tepung kapur dan lompat tikam juga merupakan makanan tradisional Terengganu. Buku ini sesuai untuk pembaca yang gemar mencuba masakan tradisional.

SINOPSIS BUKU



RAMLI AWANG,
ZULKIFLEE HARON DAN
MOHD NASIR RIPIN
Sains tamadun Islam
Johor Bahru : Penerbit
UTM Press, 2012. 117ms.
ISBN 978-983-52-0834-8

Buku ini mengandungi 7 bab menjelaskan pencapaian sains dalam tamadun Islam, sumbangan sains Islam kepada dunia, dan perubahan yang berlaku dalam perkembangan sains mutakhir di barat hari ini yang menjurus kepada penyatuan antara sains dan agama. Zaman sains Islam yang melatari perkembangan ilmu sains telah berlangsung selama 800 tahun. Dalam jangka masa yang begitu panjang, sains Islam telah berjaya mencorakkan landskap dunia dengan ketamadunan unggul. Setelah dunia Barat mengambil alih kepimpinan sains pada kurun ke-16, dunia sains maju dalam bidang material tetapi telah menyingkirkan aspek spiritual-agama. Ini menyebabkan ilmu sains tidak lagi menjadi wasilah untuk manusia mendekatkan diri kepada Tuhan semesta alam. Akibatnya, dunia sains moden menghala ke arah mulhid lebih dekat berbanding menghampiri sempadan akidah tauhid. Buku ini sesuai sebagai rujukan para pelajar sekolah, mahasiswa yang berada di institusi pengajian tinggi, guru sains, dan para pengkaji sains Islam.


SINOPSIS BUKU



**Setitik dijadikan laut
sekepal dijadikan gunung
: sebuah festschrift untuk
Mohd. Sarim Mustajab**
Kota Kinabalu : Penerbit
Universiti Malaysia Sabah,
2012. 336ms.
ISBN 978-967-5224-80-5

Buku ini sebenarnya merupakan kompilasi 11 eseи-eseи ilmiah yang berlatarkan sumber sejarah merangkumi pelbagai perspektif iaitu sastera, keagamaan, adat kematian, nasionalisme, pengambilan buruh, bahasa, pengkaryaan, kristianiti Kelabit dan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein. Kesemuanya dihasilkan oleh anak-anak didik Dr. Mohd. Sarim Hj. Mustajab sebagai satu sumbangsih kepada dunia pengetahuan yang secara tidak langsung menggambarkan hasil pemikiran berfaktakan sejarah. Buku ini berupaya menggerakkan minda pembaca menyelami peristiwa sejarah di Malaysia secara lebih mendalam melalui penghasilan penyelidikan bahan-bahan rujukan yang rapi. Penghuraian setiap artikel yang khusus kepada sesuatu topik turut membincangkan kajian analisa yang berupaya mengupas keadaan sebenar entiti berkenaan. Buku ini sesuai untuk pembaca yang inginkan pengetahuan berunsur ilmiah melalui eseи-eseи yang pelbagai tetapi berdasarkan fakta-fakta peristiwa sejarah yang telah wujud pada dekad berkenaan. Secara dasarnya penghasilan buku ini telah menambahkan lagi pengkayaan ilmu berhubung dengan Malaysia dalam konteks masyarakatnya yang tersendiri.


SINOPSIS BUKU



AB. AZIZ YUSOF
**Strategi TQM :
dwidimensi**
Sintok, Kedah : Universiti
Utara Malaysia, 2012.
187ms.
ISBN 978-967-0474-04-5

TQM merupakan satu falsafah pengurusan yang bermatlamatkan penambahbaikan produk atau perkhidmatan yang berterusan bagi memastikan kepuasan pelanggan terus dipertingkatkan. Secara konvensional TQM memberi penumpuan kepada sentuhan teknikal seperti kawalan proses secara statistik, analisis reliabiliti dan reka bentuk produk yang dianggap begitu penting kepada pemberian kualiti. Konsep asas TQM diterangkan dengan terperinci. Turut dibincangkan adalah asas penting bagi sesuatu kejayaan, iaitu mengubah dan mewujudkan budaya sebenar, kepimpinan yang berkesan, kerja berpasukan, komunikasi dan reka bentuk. Selain itu, garis panduan menyeluruh untuk menyepadukan TQM dan memastikan peningkatan yang berterusan dalam sesebuah organisasi turut diutarakan. Pendekatan ini dilihat sebagai lebih keras kerana lebih berorientasikan kuantitatif, penepatan sasaran kerja yang jelas dan penyelesaian permasalahan yang lebih berstruktur serta bersistematis. Kesan daripada situasi ini menjadikan pembangunan organisasi lebih mudah dijangka dan jika pengurus menyedari berlakunya kesilapan adalah lebih mudah bagi mereka untuk berpatah balik dengan membuat penyusunan semula proses yang bersesuaian.

SINOPSIS BUKU




AL-FIRDAUS, IQRA'
Teknik rawatan pengurutan untuk kesihatan, mencerdaskan otak dan meningkatkan daya

Kuala Lumpur : Ar-Risalah Product, 2013. 154ms.
ISBN 978-967-0268-42-2

Buku ini terbahagi kepada tiga topik utama iaitu pengetahuan dasar tentang urutan, pengurutan untuk penyembuhan dan pengurutan untuk mencergaskan otak dan meningkatkan daya ingatan. Terapi urutan merupakan satu cara pemulihan kesegaran badan untuk melegakan ketegangan otot dan tubuh badan setelah kepenatan bekerja. Sesetengah urutan sebenarnya mampu mengaktifkan urat saraf tertentu pada bahagian badan untuk kelegaan dan penyembuhan. Urutan juga digunakan untuk kesihatan, kecerdasan otak dan kekuatan daya ingatan. Ia merupakan salah satu cara pengubatan yang telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi oleh bukan sahaja masyarakat nusantara malah hampir seluruh dunia dengan teknik urutan yang pelbagai. Urutan difokuskan dengan mengurut titik-titik tertentu pada badan, tapak kaki atau tangan bagi melegakan penyakit dan penderitaan.

SINOPSIS BUKU




Tema baru penulisan sejarah

Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2012.
198ms.

ISBN 978-983-1005-38-5

Buku ini mengandungi sepuluh bab yang membincangkan tema-tema baru dalam bidang sejarah Malaysia dan luar negara. Penulisan buku ini bertujuan memberi dorongan dan pendedahan mengenai penulisan sejarah bukanlah bersifat kaku dan tertumpu kepada aspek tertentu sahaja. Penulisan tradisional dahulu, menekankan hanya bukti tertulis sahaja dikatakan sejarah dan tumpuan lebih kepada kajian terhadap politik. Oleh itu, kajian sosial atau ekonomi dalam penulisan sejarah amat terhad. Namun pada masa kini corak dan pola penulisan sejarah sudah berubah berkaitan sejarah manusia dengan pandangan lebih menyeluruh. Ini membuktikan bahawa kajian dan penulisan sejarah adalah bersifat dinamik serta mempunyai ruang untuk menyelongkar isu dan tema baru. Dalam masa sama, kaedah dan sumber yang digunakan turut divariasikan dengan memanfaatkan sumber lisan, visual dan pelbagai disiplin ilmu lain. Usaha dijalankan itu memperkuuh lagi pengajaran dan pemahaman dalam bidang sejarah. Inilah yang diketengahkan melalui buku ini dengan merangkumi tema baru penulisan sejarah.

SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD, AS'ADI
Terapi ketawa bagi kesihatan

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2012.
182ms.
ISBN 978-967-0268-23-1

Ketawa boleh menyampaikan pelbagai mesej dan makna kepada seseorang. Ketawa juga adalah terapi untuk kesihatan. Ketawa boleh memberikan pelbagai manfaat kepada manusia. Ketawa memberi kesan kepada kesihatan mental manusia. Ketawa juga dapat mengurangkan hormon tertekan atau yang dibebaskan oleh tubuh ketika dalam keadaan tertekan. Ketawa boleh mendatangkan kesan baik kepada kesihatan manusia antaranya ialah mampu membakar kalori dalam tubuh, memudahkan aliran darah dalam badan, membantu merendahkan paras gula dalam badan, mengurangkan rasa sakit serta menguatkan imun badan. Buku ini sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat bagi mengetahui mengenai terapi ketawa ini dengan lebih mendalam.

SINOPSIS BUKU



ROSLI BAHARUDDIN
Tingkatkan jualan anda
Petaling Jaya : TrueWealth,
2013. 173ms.
ISBN 978-967-5416-018-0

Buku ini membincangkan cara-cara untuk meningkatkan teknik jualan bagi mendapatkan pendapatan sampingan untuk kebanyakan golongan pekerja masa kini. Pengalaman yang banyak sahaja tidak akan mencukupi jika ilmu jualan tidak dimiliki. Untuk menjadi seorang jurujual yang terbaik juga tidak memerlukan kelayakan, hanya sekadar minat untuk menimba ilmu pengetahuan baru di dalam bidang jualan. Dapatkan buku ini untuk membongkar rahsia meningkatkan aktiviti jualan anda dengan lebih baik lagi. Ditulis 100 peratus berdasarkan pengalaman penulis yang telah berjaya meningkatkan aktiviti jualannya. Mengandungi tip-tip persembahan jualan yang efektif, panduan mencari dan memilih bakal pelanggan dan teknik membuat penutupan jualan tanpa paksaan. Membongkar rahsia memenuhi kepuasan pelanggan dan membuat jualan bersilang (cross selling) Menceritakan faedah kuasa hebahan mulut pelanggan dalam promosi jualan dan juga langkah berkesan menangani bantahan jualan. Inspirasi kepada mereka yang mahu menjana pendapatan sampingan yang berterusan melalui aktiviti jualan.